

PELANCONGAN BUDAYA WARISAN DAN  
IDENTITI ETNIK: KAJIAN ETNOGRAFI  
MASYARAKAT INDIA MUSLIM  
DI PULAU PINANG

IEZWANI BINTI AZMI

ARKIB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

rb  
fG156.5  
H47E99  
2014

2014

**PELANCONGAN BUDAYA WARISAN DAN  
IDENTITI ETNIK: KAJIAN ETNOGRAFI  
MASYARAKAT INDIA MUSLIM  
DI PULAU PINANG**

**oleh**

**EZWANI BINTI AZMI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Ogos 2014**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, berkat limpah kurnia dan izinNYA memberi kekuatan, kesihatan yang baik, kesabaran untuk saya menyempurnakan tesis ini. Selawat dan salam ditujukan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga serta sahabat handai baginda.

Rakaman penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Nor Hafizah Binti Selamat, selaku penyelia sepanjang perjalanan saya melengkapkan tesis ini. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang diberikan sepanjang proses penyeliaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Persatuan *India Muslim Community* (IMCOM), Georgetown World Heritage Incorporated, Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang), para pegawai dalam pelbagai organisasi berkaitan yang telah memberi sokongan dan kerjasama yang amat tinggi kerana sudi berkongsi informasi dan maklumbalas yang tidak berbelah bahagi. Tidak lupa juga kepada ahli masyarakat India Muslim, individu-individu berkaitan dan para pelancong yang begitu terbuka untuk menjadi responden sepanjang menyempurnakan tesis ini.

Ucapan kasih sayang kepada suami, Muhamad Zamani bin Ismail serta anakanda Muhamad Ezed Furqan, terima kasih kerana sokongan, kesabaran, kesetiaan dan

pengorbanan dari segala aspek mengiringi isterimu (mama) dalam mengharungi segala cabaran sehingga berjaya menyiapkan tesis ini. Kepada arwah babah, Azmi bin Zainuddin sudah pasti berbangga dan bahagia 'di sana'. Semoga rohnya di tempatkan bersama orang-orang yang beriman. Tidak lupa juga kepada Mama, Anna Rozana Binti Mohamad dan Abah, Ali bin Ibrahim tercinta kerana motivasi dan nasihat yang diberi. Semangatmu, cita-citamu menjadi dorongan anakmu ini. Adik beradikku yang turut sama-sama menjadi pembakar semangat diri ini, doa kalian amat disanjung dan dihargai.

Selain daripada itu, rakan-rakan yang sentiasa berada bersama saya, di waktu susah mahupun senang, menjadi kekuatan dan sumber inspirasi, Nor Hafizan bt Habib Sultan, Liyana bt Romli, Jalihah bt Md Shah, Shaiful Azli b. Muhamad Surol, Fadhlina bt Mahat, Nordiana bt Azman, Nurain bt Redzali, Noor Carmelita bt Mohamed Noor dan rakan-rakan yang lain. Jasa kalian amatlah dihargai.

Ucapan terima kasih juga saya hুলurkan kepada semua para pensyarah dan semua kakitangan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM, Unit informasi/perpustakaan yang secara langsung dan tidak langsung telah membantu saya menyiapkan tesis ini. Akhir sekali, semua pihak yang telah banyak membantu dan menyumbang idea dalam usaha membantu menghasilkan penyelidikan ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong dan informasi berguna kepada mereka yang membacanya. Alhamdulillah dan jutaan terima kasih.

## JADUAL KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	iv
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	x
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	xi
<b>SENARAI PETA</b> .....	xii
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	xxi
<b>ABSTRAK</b> .....	xxii
<b>ABSTRACT</b> .....	xxvi
<b>BAB 1: PENGENALAN</b> .....	<b>1-17</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Statistik masyarakat India Muslim di Malaysia.....	3
1.3 Identiti etnik, penglibatan masyarakat India Muslim dan pelancongan di Pulau Pinang .....	5
1.4 Permasalahan kajian .....	8
1.5 Persoalan kajian .....	10
1.6 Objektif kajian .....	11
1.7 Skop kajian .....	11
1.8 Signifikasi kajian .....	13
1.9 Batasan kajian .....	13

1.10	Organisasi tesis .....	14
------	------------------------	----

**BAB 2: SOROTAN KAJIAN** **19-51**

2.1	Pengenalan .....	19
2.2	Kajian-kajian lepas .....	19
2.2.1	Kebudayaan .....	19
2.2.2	Warisan sebagai khazanah negara .....	24
2.2.3	Pelancongan kebudayaan .....	25
2.2.4	Pelancongan warisan .....	28
2.2.5	Pelancongan budaya warisan .....	30
2.2.6	Kemampuan pelancongan budaya warisan .....	34
2.2.7	Pelancongan budaya warisan menjana ekonomi komuniti .....	36
2.3	Konsep-konsep utama.....	39
2.3.1	Identiti etnik dan asimilasi .....	39
2.3.2	Pengekalan identiti etnik dalam kumpulan .....	41
2.3.3	Mempersembahkan identiti etnik dalam pelancongan .....	42
2.3.4	Konsep komodifikasi budaya .....	43
2.3.5	Konsep tatapan pelancong ( <i>The tourist gaze</i> ) .....	44
2.4	Kerangka kerja konseptual .....	47
2.5	Huraian kerangka konseptual .....	48
2.6	Kesimpulan .....	50

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN** **52-65**

3.1	Pengenalan .....	52
3.2	Reka bentuk penyelidikan .....	52
3.3	Lokasi kajian .....	53
3.4	Populasi dan persampelan kajian .....	54
3.5	Teknik penyelidikan dan instrumen kajian .....	57
3.6	Kaedah pengumpulan data .....	58
3.6.1	Kaedah temubual mendalam .....	60
3.6.2	Kajian lapangan .....	61
3.6.3	Kajian kes sejarah .....	62
3.7	Menganalisa data .....	63
3.8	Kerangka metodologi.....	64
3.9	Kesimpulan .....	65

**BAB 4: LATAR BELAKANG MASYARAKAT INDIA MUSLIM** **66-97**

4.1	Pengenalan .....	66
4.2	Sejarah dan kedatangan masyarakat India Muslim.....	67
4.3	Kategori golongan dalam masyarakat India Muslim daripada India .....	69
4.3.1	Thenkasi Muslim atau Kodaya Nallur Muslim .....	69
4.3.2	Pettai Muslim (Pette Muslim) .....	70
4.3.3	Malabar Muslim .....	70
4.3.4	Bengali Muslim .....	71
4.3.5	Gujerati Muslim dan Bombay Muslim .....	71

4.3.6	Kerala Muslim .....	71
4.4	'Mamak': Simbolik identiti budaya masyarakat .....	72
4.5	Konflik identiti etnik: Masyarakat India Muslim di Malaysia .....	74
4.6	Budaya masyarakat India Muslim di Malaysia .....	83
4.6.1	Perkahwinan masyarakat India Muslim .....	83
4.6.2	Majlis pernikahan .....	88
4.6.3	Perkahwinan golongan <i>Pettai</i> .....	91
4.6.4	Perkahwinan golongan <i>Thenkasi</i> mengikut masyarakat dominan di Malaysia .....	96
4.7	Kesimpulan .....	97

**BAB 5: PEMENTASAN IDENTITI, BUDAYA DAN WARISAN MASYARAKAT  
INDIA MUSLIM** **99-144**

5.1	Pengenalan .....	99
5.2	Peranan agensi dan pihak berkuasa tempatan dalam aktiviti pelancongan ..	99
5.2.1	Peranan Kerajaan Negeri .....	99
5.2.2	Peranan <i>Georgetown World Heritage Incorporated</i> (GTWHI)....	100
5.2.3	Sejarah dan Peranan Pertubuhan Komuniti India Muslim (IMCOM) .....	101
5.2.4	Hari Warisan Dunia (World Heritage Day) .....	104
5.3	'Hari Kebudayaan Dan Warisan India Muslim' .....	105
5.4	Program Sukan ' <i>Amazing Race</i> ' Georgetown .....	146
5.5	Program Fiesta Basikal Klasik .....	146

5.6	Kesimpulan .....	152
-----	------------------	-----

**BAB 6: MASJID KAPITAN KELING: SIMBOL IDENTITI MASYARAKAT  
INDIA MUSLIM** **154-186**

6.1	Pengenalan .....	154
6.2	Sejarah awal Masjid Kapitan Keling .....	155
6.3	Peranan awal Masjid Kapitan Keling .....	158
6.4	Kemampuan warisan identiti masyarakat India Muslim .....	164
6.5	Ruang masjid kepada kaum wanita .....	156
6.6	Ramadhan, tarawih dan “Makan Bertalam” .....	166
6.7	Masjid Kapitan sebagai tapak warisan .....	175
6.8	Masjid Kapitan sebagai pusat penyebaran agama dan informasi .....	176
6.9	Program di Masjid Kapitan Keling .....	181
6.10	Kesimpulan .....	185

**BAB 7: PERSEPSI PELANCONG TERHADAP BUDAYA MASYARAKAT  
INDIA MUSLIM** **187-203**

7.1	Pengenalan .....	187
7.2	Masjid Kapitan Keling: ‘Mesra’ pengunjung dan pelancong .....	187
7.3	Penyertaan dalam Festival dan Masjid Kapitan Keling .....	189
7.4	Masjid Kapitan Keling: “Saya lebih mengenali apa itu Islam” .....	191
7.5	Pulau Pinang sebagai ‘Syurga Makanan’ .....	196
7.6	Identiti Etnik India Muslim dipentaskan kepada pelancong .....	197

7.7	Program berunsurkan budaya warisan mengembalikan semangat Masyarakat .....	200
7.8	Kesimpulan .....	202

**BAB 8 : RUMUSAN DAN CADANGAN** **204-206**

8.1	Pengenalan .....	204
8.2	Gambaran ringkas kajian .....	204
8.3	Dapatan utama kajian .....	205
8.4	Cadangan .....	212
8.4.1	Mewujudkan galeri budaya warisan masyarakat India Muslim ...	213
8.4.2	Menghidupkan Jalan Kapitan sebagai enklaf atau kota mini masyarakat India Muslim.....	213
8.4.3	Memperbanyakkan kempen atau penghasilan karya bertulis tentang masyarakat India Muslim.....	214
8.4.4	Bekerjasama dengan agensi pelancongan dalam mempackagekan produk budaya warisan .....	215
8.4.5	Mengadakan demonstrasi, bengkel atau pertandingan dengan penglibatan kaum lain di Malaysia .....	215
8.5	Cadangan kajian lanjutan masa hadapan .....	216
8.6	Kesimpulan .....	218

**BIBLIOGRAFI** **219-224**

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
<b>Jadual 1.1</b>	
Jumlah populasi kaum India mengikut pegangan agama tahun 2011	3
<b>Jadual 1.2</b>	
Populasi kaum India Muslim mengikut negeri pada tahun 2011	4
<b>Jadual 2.1</b>	
Jenis-jenis pelancong kebudayaan	27

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
Rajah 2.1	
Gambaran pertindihan kaitan antara budaya dan warisan	31

## SENARAI PETA

### Peta

### Muka Surat

#### Peta 1.1

Pusat tumpuan pelancong di sekitar Georgetown

12

#### Gambar 1.1

Keputusan pelancong yang berminat untuk datang ke Medan

13

#### Gambar 2.1

Peta pelancong Medan, menunjukkan pelancong datang bagi melihat sesuatu pemandangan sekitar Medan dan juga untuk melihat keindahan alam di dalam kawasan sekitar

135

#### Gambar 2.2

Peta pelancong Medan, menunjukkan pelancong datang bagi melihat sesuatu pemandangan sekitar Medan dan juga untuk melihat keindahan alam di dalam kawasan sekitar

136

#### Gambar 2.3

Peta pelancong Medan dan sekitar bagi melihat keindahan alam yang bersempitan di dalam kawasan sekitar

137

#### Gambar 2.4

Peta pelancong Medan dan sekitar bagi melihat keindahan alam yang bersempitan di dalam kawasan sekitar

138

#### Gambar 2.5

Data pelancong Medan yang datang ke Medan dan sekitarnya, menunjukkan pelancong datang ke Medan dan sekitarnya di dalam kawasan sekitar

139

## SENARAI GAMBAR

Gambar	Muka Surat
<b>Gambar 4.1</b>	
<i>Karsemani</i> sebagai tanda ikatan perkahwinan	90
<b>Gambar 4.2</b>	
Pakaian tradisional masyarakat India (kain <i>dhoti</i> )	92
<b>Gambar 5.1</b>	
Para pelancong sedang memakai pakaian sarung bagi menghormati pegangan agama Islam dan berpakaian lebih sopan ketika berada di dalam kawasan masjid	108
<b>Gambar 5.2</b>	
Para pendakwah dari IPSI, Universiti Sains Malaysia memandu pelancong yang ingin mengenali masjid dan agama Islam	108
<b>Gambar 5.3</b>	
Peserta berbangsa Cina dan ramai lagi kanak-kanak lain yang menyertai pertandingan mewarna di dalam Masjid Kapitan Keling	109
<b>Gambar 5.4</b>	
Peralatan tradisional memasak yang pernah digunakan oleh masyarakat India Muslim.	109
<b>Gambar 5.5</b>	
Batu penggiling rempah yang digunakan masyarakat India Muslim. Peralatan Ini menjadi bahan pameran di laman masjid dan digunakan untuk program 'Jom Giling'.	110

**Gambar 5.6**

Orang ramai berpusu-pusu memenuhi perkarangan Dewan Makam Noordin 111

**Gambar 5.7**

Replika gambaran situasi 'kedatangan pekerja buruh India Muslim di pelabuhan daripada India Selatan ke Malaya.' 112

**Gambar 5.8**

Pandangan luaran 'kedai Mamak' waktu dahulu 112

**Gambar 5.9**

Replika wanita India Muslim yang 'menjual keperluan seharian seperti cili merah, kelapa dan ubi kentang.' 113

**Gambar 5.10**

Pelbagai peralatan dan perkakas tradisional yang pernah digunakan oleh nenek moyang masyarakat India Muslim turut dipamerkan. 113

**Gambar 5.11**

Bahan pameran yang menampilkan sejarah dan produk daripada Syarikat *Barkath Food* 114

**Gambar 5.12**

Mee pata atau dipanggil mee sotong 115

**Gambar 5.13**

Demonstrasi Makanan Tradisional India Muslim di sepanjang jalan Masjid Kapitan Keling 115

**Gambar 5.14**

Demonstrasi nasi kandar yang dikendong atas bahu semasa sambutan Hari Kebudayaan 116

**Gambar 5.15**

*Idiyappam* di dalam piring kertas dijadikan sampel makanan sempena Hari Kebudayaan India Muslim 118

**Gambar 5.16**

Kuih tradisional iaitu kadhukattai yang sedang dikukus 119

**Gambar 5.17**

Kadhukattai dipotong kecil untuk memudahkan orang ramai merasa kuih ini 120

**Gambar 5.18**

Vatalapom yang sedang dikukus dalam periuk 121

**Gambar 5.19**

Demonstrasi menjual roti benggali secara tradisional 122

**Gambar 5.20**

Roti banggali yang telah dikomersialkan 123

**Gambar 5.21**

Roti canai sebagai produk makanan kebanggaan masyarakat India Muslim diambil untuk direkodkan dalam Buku Rekod Malaysia. 125

**Gambar 5.22**

Sijil yang diperolehi atas penciptaan rekod menghasilkan roti canai terpanjang di Malaysia. 125

**Gambar 5.23**

Permainan *bambaram* 129

**Gambar 5.24**

Urusetia program menunjukkan cara bermain Congkak (*Palangulli*) kepada para pelancong 131

**Gambar 5.25**

Orang ramai bermain *Alekalle* 133

**Gambar 5.26**

Pembuatan songkok dipamerkan dan demonstrasi dibuat hadapan pelancong untuk memperkenalkan produk budaya serta perniagaan masyarakat di Pulau Pinang 135

**Gambar 5.27**

Demonstrasi *poomalai* di hadapan Masjid Kapitan Keling 136

**Gambar 5.28**

Belia India Muslim bertungkus lumus membina model seakan-akan *ottukedai* sempena Hari Kebudayaan India Muslim 138

**Gambar 5.29**

Demonstrasi *Ottukedai* di hadapan Masjid Kapitan Keling 138

**Gambar 5.30**

Gerai Ais Tingkap 140

**Gambar 5.31**

Lakonan seorang India Muslim sebagai Tok Mudim (bergambar bersama para pelancong) bagi mengembalikan nostalgia sejarah dahulu. 142

**Gambar 5.32**

Peserta pertandingan pakaian tradisional kategori kanak-kanak 145

**Gambar 5.33**

Informasi berbentuk lukisan mengenai *Ottukedai* di perkarangan Masjid sempena Hari Kebudayaan dan Warisan India Muslim 145

**Gambar 5.34**

Basikal klasik dikumpulkan di hadapan laman Masjid Kapitan Keling untuk tontonan umum 147

**Gambar 5.35**

Seorang peserta pertandingan Basikal Klasik daripada Perak berpakaian seragam posmen yang pernah dipakai pada tahun 1950an 148

**Gambar 5.36**

Peserta adik beradik yang berpakaian Bois di sebelah kiri dan berpakaian seperti askar Britain di sebelah kanan. 149

### **Gambar 5.37**

Para peserta mengambil tempat bersama basikal klasik mereka. Para pelawat dan pelancong turut terpuakau dengan tema pelbagai ragam semasa festival diadakan.

150

### **Gambar 6.1**

Telaga lama yang berada di dalam kawasan Masjid Kapitan Keling tidak lagi berfungsi pada waktu ini tetapi pernah menjadi tempat mengambil wuduk dan persinggahan untuk mandi oleh para pelayar

162

### **Gambar 6.2**

Beberapa orang wanita dan kanak-kanak berada di perkarangan masjid, mengharapkan bantuan orang yang lalu lalang memberi sumbangan. Mereka menunggu seawal 6 dan 7 petang

167

### **Gambar 6.3**

Persediaan bahan-bahan dalam nombhe kanji seperti beras, santan, halba dan rempah-ratus

169

### **Gambar 6.4**

Air minuman iaitu air halia menjadi pilihan untuk membuka puasa kerana khasiatnya baik untuk membuang angin setelah seharian berpuasa

169

### **Gambar 6.5**

Istimewanya *nombhe* kanji juga kerana dimasak dengan cara tradisional. Tradisi dikekalkan dengan masakan menggunakan kayu api

170

### **Gambar 6.6**

Masakan memakan masa lebih kurang 4 jam untuk siap sepenuhnya. Persiapan seawal 9 pagi dan siap sepenuhnya lebih kurang 1 petang setiap hari di Bulan Ramadhan

170

**Gambar 6.7**

Solat Tarawih beramai-ramai di Masjid Kapitan Keling pada Bulan Ramadhan, selepas sembahyang Isyak dan seringkali dilakukan sebanyak 8 atau 20 rakaat 172

**Gambar 6.8**

Persiapan makanan bertalam. Makanan yang dihidangkan secara bertalam adalah nasi briyani, kuah dhal, kuah kari ayam berisikan ubi dan daging berempah hitam 172

**Gambar 6.9**

Kebiasaannya 27 Ramadhan ini, orang ramai akan duduk secara berkumpulan 4-6 orang setelah bersolat tarawih. Kemudiannya, makanan diagihkan pada setiap kumpulan 173

**Gambar 6.10**

Kebanyakan orang ramai yang duduk secara berderetan dilaluan masuk masjid sebenarnya bertindak sebagai 'peminta sedekah' 173

**Gambar 6.11**

Peminta sedekah ini terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India, tidak mengira umur tua mahupun muda 174

**Gambar 6.12**

Peminta sedekah memenuhi di deretan laluan masuk Masjid Kapitan Keling untuk menunggu orang ramai memberi sedekah 174

**Gambar 6.13**

Jam digital mengikut waktu sembahyang lima waktu sehari; subuh, zuhur, asar, maghrib dan isya'. 179

**Gambar 7.1**

Pasangan pelancong yang melawat Masjid Kapitan Keling ini berminat untuk mengetahui latar belakang budaya dan senibina masjid ini. 193

**Gambar 7.2**

Pelancong yang datang kepada sukarelawan untuk dipandu dan bertujuan memperoleh informasi 193

**Gambar 7.3**

Para pelancong yang menjejaskan kaki di masjid ini perlu memakai jubah labuh yang disediakan oleh pihak masjid 194

## SENARAI SINGKATAN

Berikut adalah senarai singkatan yang digunakan dalam tesis ini:

CHT	<i>Cultural Heritage Tourism</i>
DKK	Darah Keturunan Keling
IM	India Muslim
IMCHC	<i>India Muslim Cultural Heritage Celebration</i>
IMCOM	<i>India Muslim Community of Malaysia</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MIC	<i>Malaysia Indian Congress</i>
MKK	Masjid Kapitan Keling
MPPP	Majlis Perbandaran Pulau Pinang
MRSC	<i>Municipal Research and Services Center of Washington</i>
NTHP	<i>The National Trust for Historic Preservation's, US</i>
PATA	<i>Pacific Asia Travel Association</i>
TMIM	<i>True Malaysian Indian Muslims</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>
UNWTO	<i>United Nations of World Tourism Organization</i>
US	<i>United States</i>

**PELANCONGAN BUDAYA WARISAN DAN IDENTITI ETNIK:  
KAJIAN ETNOGRAFI MASYARAKAT INDIA MUSLIM  
DI PULAU PINANG**

**ABSTRAK**

Kajian ini secara keseluruhannya ingin mengkaji dan mengenalpasti produk budaya warisan masyarakat India Muslim yang dibangunkan untuk industri pelancongan warisan di Pulau Pinang. Kajian ini turut mengupas bagaimana warisan identiti etnik India Muslim 'digunakan' oleh Pertubuhan India Muslim dan masyarakat India Muslim untuk dibangunkan sebagai satu produk pelancongan di Pulau Pinang bukan sahaja untuk tujuan 'tatapan pelancong' tetapi untuk memastikan warisan identiti etnik India Muslim dapat dikekalkan dan diperkuatkan. Konflik dan dilema identiti etnik yang dialami oleh masyarakat India Muslim sering menjadi isu perdebatan. Walau bagaimanapun, situasi ini menjadi pencetus kepada usaha masyarakat India Muslim untuk mempromosikan produk budaya dan warisan mereka. Pengiktirafan bandar Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia menjadi satu medium kepada masyarakat India Muslim di Pulau Pinang untuk menonjolkan warisan budaya mereka melalui pelbagai program dan yang paling popular adalah Perayaan Hari Kebudayaan dan Warisan India Muslim yang diadakan setiap tahun pada hari sambutan Hari Warisan Sedunia di Pulau Pinang. Tumpuan lokasi kajian ini adalah di sekitar Georgetown, Pulau Pinang terutama di Masjid Kapitan Keling yang termasuk dalam zon Tapak Warisan Dunia. Penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah etnografi secara temubual mendalam dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan

bahawa warisan budaya etnik India Muslim telah dijadikan produk untuk 'tatapan pelancong' dan mengesahkan kajian-kajian terdahulu bahawa etnik identiti sering dijadikan sebagai produk yang mempunyai nilai-nilai ekonomi. Pembangunan warisan budaya India Muslim dalam pelancongan tempatan bukan sahaja menarik pelancong tetapi meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda India Muslim mengenai identiti etnik dan warisan budaya mereka.

**Kata Kunci : Budaya Warisan, Pelancongan, Identiti Etnik, Masyarakat India Muslim**

**CULTURAL HERITAGE TOURISM AND ETHNIC IDENTITY:  
AN ETHNOGRAPHIC STUDY OF THE INDIAN MUSLIM  
COMMUNITY IN PENANG**

**ABSTRACT**

Overall, this study has identified a cultural heritage product of the Indian Muslim community, which was presented as a development in the tourism industry in Penang. The study also explores how the legacy of ethnic identity of Indian Muslims is being 'used' by the Association of Indian Muslims and Indian Muslim community to be developed as a tourism product in Penang not only for the purpose of 'tourist gaze' but to ensure that the legacy of Indian ethnic identity Muslims can be maintained and strengthened. Conflict and ethnic identity dilemma faced by the Indian Muslim community in Penang has always been an issue of debate. However, this situation has also become a catalyst to the Indian Muslim community's efforts to promote their culture and heritage. Recognition of Georgetown as a World Heritage Site has become a medium for the Indian Muslims community in Penang to highlight their cultural heritage through various programs and the most popular is the Indian Muslim Cultural Heritage Celebrations which is held annually during the World Heritage Day in Penang. The focus of this study is located in the vicinity of Georgetown, Penang, especially at the Kapitan Keling Mosque, which is part of the World Heritage Site zone. This was an ethnographic research using in-depth interviews and observations. The results showed that the cultural heritage of ethnic Indian Muslim has become the products for 'tourist gaze' and confirms the previous studies that ethnic identity is often used as a product that

has an economic value. The development of the cultural heritage of Indian Muslims in the local tourism is not only attracting tourists but also increased the awareness among young generation of the Indian Muslim community in Penang of their ethnic identity and cultural heritage.

**Keywords: Cultural Heritage, Tourism, Ethnic Identity, Indian Muslim Community**

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Malaysia terkenal dengan kepelbagaian bangsa dan agama seperti kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum yang minoriti khususnya di Pulau Pinang. Masyarakat India Muslim pula merupakan salah satu kumpulan minoriti berbanding kumpulan berbangsa India dan kumpulan bangsa Melayu yang terbesar di negara ini. Meskipun begitu, masyarakat India Muslim telah memberi sumbangan yang besar dalam mempertingkatkan agama, ekonomi, politik dan sosial di Malaysia. Mereka juga menyumbang dalam membangunkan budaya, agama Islam dan warisan masyarakat India Muslim di negara ini. Masyarakat India Muslim telah bertapak di negara ini sejak 1780 semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka (Omar, 2005). Pada awalnya, kedatangan mereka ke Tanah Melayu adalah untuk tujuan perniagaan dan menyebarkan ajaran Islam (Nin, 1993). Masyarakat India Muslim turut berperanan dalam membangunkan ekonomi Tanah Melayu melalui bidang perniagaan seperti pengurusan restoran, barang kemas, tekstil, agensi pelancongan, perniagaan runcit dan sebagainya. Kehidupan masyarakat India Muslim di Malaysia membolehkan golongan ini mengenali budaya dan adab masyarakat Melayu tempatan. Mereka turut membantu membina masjid dan madrasah di serata negeri disamping membangunkan agama rakyat. Kini generasi masyarakat India Muslim semakin berkembang di tanah air ini (Mohd, 2009).

Walau bagaimana pun, masyarakat India Muslim menghadapi konflik identiti melalui percampuran budaya etnik. Menurut Stark (2006), terdapat di antara mereka dikenali sebagai orang India dan ada pula dikatakan sebagai orang Melayu. Status masyarakat India Muslim dikatakan telah bertambah rumit oleh perbezaan budaya intra-Indian, bahasa dan latar belakang sosial. Identiti India Muslim sentiasa berubah-ubah melalui proses asimilasi sehingga kepada keturunan mereka. Terdapat juga India Muslim yang telah dikategorikan sebagai Jawi Peranakan atau warisan Darah Keturunan Keling (DKK). Masyarakat India Muslim sebenarnya telah mengalami konflik dan dipinggirkan sebagai masyarakat yang kurang bernasib baik (Stark, 2006).

Walaupun masyarakat India Muslim ini berhadapan dengan percampuran budaya dan konflik identiti dalam etnik, isu-isu yang wujud tidak seharusnya menjadi penghalang dalam menonjolkan segala tarikan yang ada pada kaum ini. Melalui asal-usul dengan kepelbagaian budaya yang terhasil secara tidak langsung telah membentuk pelbagai keunikan budaya dan sejarah yang boleh dijadikan sebagai produk komoditi negara. Sebagai negara yang sedang membangun, pelancongan yang semakin hebat, segala keunikan yang ada perlulah dilihat dari sudut yang positif dimana ia dapat menyumbang kepada ekonomi, sosial dan politik negara. Sebagai contohnya pelancongan budaya warisan yang sudah lama menjadi perhatian negara-negara lain. Kini tiba masanya pula Malaysia perlu mencorak langkah untuk lebih memberi penekanan terhadap pengkalan budaya warisan sebagai aset penting negara.

## 1.2 Statistik Masyarakat India Muslim di Malaysia

Pembancian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2010 menunjukkan jumlah penduduk India Muslim meningkat daripada 69,043 dalam tahun 2000 kepada 78,702 pada tahun 2010. Jumlah penduduk bagi kaum lelaki adalah 42,475 manakala 36,227 adalah terdiri daripada kaum perempuan (Wan, 2012).

Pecahan kaum India mengikut pegangan agama adalah seperti di bawah:

**Jadual 1.1: Jumlah populasi kaum India mengikut pegangan agama tahun 2010**

Pegangan Agama	Komuniti India
Islam	78,702
Kristian	114,281
Buddha	32,441
Hindu	1,644,072
Konfusianisme, Tao/suku kaum/puak/lain-lain tradisi Cina	716
Lain-lain agama	36,599
Tiada agama	824
Tidak diketahui	192
Jumlah Keseluruhan	1,907,827

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)

Jadual di atas menunjukkan jumlah populasi kaum India di Malaysia mengikut pegangan agama yang berbeza-beza mengikut kepada statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010. Pecahan pegangan agama terbahagi kepada enam iaitu Islam,

Kristian, Buddha, Hindu, Konfusianisme, Tao dan lain-lain tradisi Cina serta lain-lain agama. Manakala terdapat dua pecahan kategori tiada agama dan tidak diketahui. Majoriti pegangan agama bagi kaum India di negara ini adalah Hindu, iaitu sebanyak 1,644,072 orang. Manakala kedua tertinggi adalah Kristian sebanyak 114,281 dan diikuti oleh pegangan Islam (India Muslim) di paras ketiga tertinggi, iaitu 78,702. Seterusnya diikuti oleh kategori lain-lain agama, Buddha, tiada agama dan Konfusianisme.

**Jadual 1.2: Populasi kaum India Muslim mengikut negeri pada tahun 2010**

<b>Negeri</b>	<b>Populasi India Muslim</b>
Selangor	24,472
Pulau Pinang	12,335
Johor	8,318
Kuala Lumpur	7,688
Perak	7,537
Negeri Sembilan	4,626
Kedah	3,345
Sabah	3,164
Pahang	2,244
Sarawak	1,892
Melaka	1,678
Kelantan	445
Terengganu	435
Perlis	260

<b>Wilayah Pulau Labuan</b>	195
<b>Wilayah Putrajaya</b>	68
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	78,702

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011)

Populasi masyarakat India Muslim mengikut negeri pada tahun 2010 menunjukkan bahawa kepadatan komuniti ini adalah di negeri Selangor dengan populasi seramai 24,472. Seterusnya negeri Pulau Pinang mencatat kedua populasi tertinggi, iaitu 12,335 orang. Kawasan populasi terendah adalah di negeri Perlis, Wilayah Pulau Labuan dan Wilayah Putrajaya. Menurut Wan (2012), pemusatan kaum India Muslim di bandar-bandar adalah berkait rapat dengan sosio-ekonomi kerana peluang-peluang perniagaan yang lebih banyak di bandar-bandar. Masyarakat India Muslim tidak melibatkan aktiviti perladangan sebaliknya mereka lebih tertumpu di kawasan bandar dalam perniagaan makanan, emas, peruncitan, buku dan majalah serta pertukaran wang.

### **1.3 IDENTITI ETNIK, PENGLIBATAN MASYARAKAT INDIA MUSLIM DAN PELANCONGAN DI PULAU PINANG**

Identiti etnik sering dikaitkan sebagai salah satu alat utama untuk membangunkan sesebuah pelancongan terutama pelancongan yang berasaskan warisan dan budaya (Picard & Wood, 1997). Terdapat aset budaya warisan yang bermanfaat sebagai produk pelancongan disamping menjadi satu platform kepada komuniti dalam menguatkan lagi identiti masyarakat ini.

Pulau Pinang merupakan salah satu contoh negeri yang berusaha untuk mempromosikan kepelbagaian etnik dan budaya mereka bagi menarik pelancong ke negeri ini. Beberapa kawasan di Pulau Pinang telah diwartakan sebagai tapak warisan dunia kerana mempunyai seni bina bangunan lama serta kebudayaan sesuatu tempat yang masih kekal hingga sekarang (Norhayati, 2012). Industri pelancongan merupakan sumber pendapatan yang penting bagi negeri Pulau Pinang memandangkan ia menyumbangkan lebih kurang 34.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negeri Pulau Pinang. Sumbangan daripada industri pelancongan memberi kesan berganda kepada industri-industri lain dan sekali gus meletakkan industri pelancongan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri-industri sokongan yang berkaitan (HBP USM, 1999).

Pulau Pinang yang bergelar '*The Pearl of the Orient*' telah menarik sejumlah besar pelawat dari luar dan dalam negara sejak zaman penjajahan lagi (Rosniza et al., 2012). *Trend* kedatangan pelancong di Pulau Pinang mencatatkan seramai 2,996,282 pelancong domestik dan jumlah 3,096,907 pelancong asing yang menjadikan keseluruhan pelancong sebanyak 6,093,189 pada tahun 2012 (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2013).

Populasi masyarakat India Muslim yang terbesar di Malaysia dikatakan telah berada di Pulau Pinang seawal abad ke-17 dan ke-18, iaitu lebih awal daripada kedatangan orang British (Seenii, 2001; Wan 2012). Masyarakat India Muslim di Malaysia juga merujuk kepada etnik Tamil beragama Islam dan mereka ini terdiri daripada pelbagai kategori golongan kecil yang berasal dari negara India sebelum mereka berhijrah ke negara ini.

Antara kategori golongan yang wujud termasuklah gelaran Pettai Muslim, Kerala Muslim, Malabar Muslim, Bengali Muslim, Gujerati Muslim, Thenkasi Muslim, Tamilnadu dan sebagainya. Namun, sekarang ini mereka lebih dikenali sebagai ‘mamak’ di serata Malaysia. Penghijrahan masyarakat India Muslim ke Malaysia telah membawa kepada proses asimilasi budaya melalui perkahwinan dan percampuran dengan penduduk tempatan. Percampuran antara budaya masyarakat dominan iaitu Melayu dan India Muslim menyebabkan berlakunya krisis identiti dalam kalangan mereka.

Mengikut Tajfel (1981), identiti etnik merujuk kepada komponen identiti etnik sosial. Ia merujuk kepada konsep diri individu yang diperolehi daripada pengetahuan mereka semasa dalam proses menjadi ahli dalam sesebuah kumpulan sosial yang berkait rapat dengan nilai dan hubungan emosi dengan kumpulan sosial tersebut. Identiti etnik ini sangat penting dalam konsep diri dan memastikan fungsi psikologi dalam kalangan ahli kumpulan etnik tersebut. Proses asimilasi masyarakat India Muslim dengan masyarakat Melayu tempatan telah memberikan impak yang jelas terutama dalam kalangan generasi muda yang mengalami dilema untuk memilih dan mempraktikkan cara hidup budaya seharian. Proses ini menyebabkan terbentuknya beberapa kategori golongan lain pula di Malaysia. Antaranya terdapat India Muslim yang mengakui sepenuhnya identiti mereka, terdapat juga India Muslim yang mahu digelar Jawi peranakan, iaitu mereka yang telah mempraktikkan sepenuhnya budaya masyarakat Melayu. Seseengahnya dikatakan malu untuk mengakuinya bahawa mereka adalah India Muslim. Menurut Hanapi, (n.d.) “...identiti India Muslim berubah daripada India Muslim kepada India apabila mereka menjadi ahli MIC (*Malaysia Indian Congress*) dan akan menjadi India Muslim semula

apabila mereka menyertai Persatuan India Muslim Malaysia (KIMMA) dan akhirnya boleh berubah menjadi Melayu apabila menyertai UMNO (*United Malay National Organization*)". Inilah dilema yang dirujuk sebagai '*ethnic switching*' (Saidatulakmal, 2010).

Fenomena yang menimbulkan kerisauan dalam kalangan generasi tua dan muda mengenai kelestarian budaya warisan mereka. Bagi mereka yang mewarisi budaya masyarakat India Muslim, adalah penting untuk mereka mengekalkan warisan ini dan proses mendidik golongan muda mengenai keturunan dan budaya hidup mereka perlu dipertingkatkan. Dengan kesedaran ini, masyarakat India Muslim dalam kalangan generasi muda telah mengambil peluang yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan pelancongan warisan etnik India Muslim. Mereka telah menganjurkan Festival Kebudayaan dan Warisan India Muslim (IMCHC) yang telah dijadikan sebagai satu acara tahunan dalam kalendar pelancongan negeri dan disambut dalam sambutan Ulang Tahun Bandar Warisan Georgetown.

Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada bagaimana masyarakat India Muslim ini menggunakan 'pelancongan' sebagai salah satu medium untuk mereka mempersembahkan warisan budaya mereka yang bertujuan bukan sahaja untuk memperkenalkan budaya mereka kepada pelancong tetapi mempunyai objektif yang lebih kuat iaitu untuk memastikan warisan budaya India Muslim dapat dipertahankan dan dibanggakan oleh generasi muda India Muslim. Ini seterusnya dapat mengukuhkan

lagi identiti etnik mereka yang dilihat mungkin boleh mengalami 'kecairan' sekiranya kesedaran mengenai warisan budaya etnik mereka tidak dilakukan.

#### 1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat India Muslim merupakan komuniti terbesar yang berhijrah ke Pulau Pinang, telah bertapak dan berkembang di Pulau Pinang sejak Sir Francis Light menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786 lagi. Mereka ini terdiri daripada etnik Tamil beragama Islam yang mempunyai bahasa percakapan yang pelbagai. Antaranya bahasa Malabari daripada Selatan India, Kerala, Gujerati, Benggali dan Pashtun (Nagata, 2012). Di Bandar Georgetown, kebanyakan mereka ini merupakan pedagang, peniaga, penjaja dan buruh. Masjid Kapitan Keling merupakan mercu kepada peranan mereka dalam perkembangan ekonomi, sosial dan pendidikan bagi masyarakat India Muslim di Pulau Pinang (Mohammed, 2013). Masyarakat India Muslim pada waktu itu merupakan golongan yang kaya dan berpengaruh. Kedudukan yang kaya dan mewah menyebabkan terdapat banyak individu India Muslim berkahwin campur dengan masyarakat majoriti, iaitu Melayu (Nagata, 2012). Sehubungan itu, kadangkala timbul konflik identiti etnik antara masyarakat India Muslim sendiri dan masyarakat Jawi Peranakan, iaitu masyarakat India Muslim yang telah bercampur dengan masyarakat dominan Melayu melalui proses perkahwinan.

Untuk tujuan ini, masyarakat India muslim di Pulau Pinang melalui Persatuan *India Muslim Community of Malaysia* (IMCOM) telah menganjurkan festival warisan budaya

India Muslim yang mana pelbagai program telah dipersembahkan termasuk pakaian beragam, makanan, permainan tradisional dan muzium. Proses ini melibatkan pembentukan dan membina semula budaya mereka. Proses-proses ini telah menimbulkan beberapa isu. Antaranya bagaimana identiti etnik telah diintegrasikan dalam proses untuk dipersembahkan dan ditonton oleh pelancong? Bagaimana persepsi pelancong terhadap budaya warisan yang dipersembahkan? Bagaimana pula persepsi masyarakat India Muslim itu sendiri terhadap cara baru mempersembahkan warisan budaya ini terhadap identiti etnik mereka sendiri?

Kajian ini akan melihat bagaimana identiti etnik 'dipersembahkan' kepada pelancong dan bagaimana masyarakat India Muslim ini menggunakan 'pelancongan' sebagai salah satu medium untuk mereka mempersembahkan warisan budaya mereka yang bertujuan bukan sahaja untuk memperkenalkan budaya mereka kepada pelancong tetapi mempunyai objektif yang lebih kuat, iaitu untuk memastikan warisan budaya India Muslim dapat dipertahankan dan dibanggakan oleh generasi muda India Muslim. Ini seterusnya dapat mengukuhkan lagi identiti etnik mereka yang dilihat mungkin boleh mengalami 'kepuaran' sekiranya kesedaran mengenai warisan budaya etnik mereka tidak dilakukan.

## **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah produk-produk budaya India Muslim yang boleh dipaparkan sebagai produk pelancongan budaya warisan.
2. Apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh komuniti India Muslim untuk proses pengekalan identiti budaya masyarakat India Muslim?
3. Bagaimanakah pengkomersilan produk India Muslim dibuat untuk mempromosikan pelancongan berbentuk budaya warisan?
4. Apakah persepsi pelancong semasa menyertai acara sambutan atau melawati tempat-tempat yang mempunyai unsur-unsur budaya masyarakat India Muslim?

## **1.6 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama untuk kajian ini adalah:

1. Mengenalpasti produk-produk budaya India Muslim yang boleh dipaparkan sebagai produk pelancongan budaya warisan.
2. Mengkaji usaha-usaha yang dijalankan oleh komuniti India Muslim sebagai proses pengekalan identiti budaya masyarakat India Muslim.
3. Menganalisis pengkomersilan produk India Muslim untuk tujuan promosi pelancongan berbentuk budaya warisan.

4. Mengetahui persepsi pelancong semasa menyertai acara sambutan dan melawati tempat-tempat yang mempunyai unsur-unsur budaya masyarakat India Muslim.


## 1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini mengupas kehidupan masyarakat India Muslim di Pulau Pinang dari pelbagai aspek terutama melalui aktiviti sosial, kebudayaan, warisan daninggalan sejarahnya. Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terbahagi kepada dua daerah, iaitu Daerah Timur laut dan Daerah Barat Daya (tidak termasuk Seberang Perai). Bagi memudahkan maklumat diperolehi mengenai budaya sebenar yang diamalkan dalam corak kehidupan masyarakat India Muslim di Pulau Pinang pada masa kini, Daerah Timur Laut dipilih sebagai lokasi kajian. Justifikasi pemilihan ini adalah berdasarkan kepada populasi masyarakat India Muslim yang lebih ramai menetap di daerah Timur Laut berbanding daerah Barat Daya.

Lokasi kajian adalah di sekitar bandaraya Georgetown yang merangkumi kawasan Lebu Chulia, Lebu Armenian, Jalan Masjid Kapitan Keling sebagai fokus utama dalam kajian ini. Pihak UNESCO telah mengiktiraf Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia sementara Georgetown sememangnya menyumbang sebagai tarikan kepada kedatangan pelancong ke Pulau Pinang. Kawasan utama meliputi kawasan bersejarah sekitar Georgetown, termasuk enklaf bersejarah di Lebu Aceh dan kawasan-kawasan seperti Masjid Kapitan Keling, *Little India* dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa tempat-tempat ini sangat penting untuk dikaji. Terdapat banyak

peninggalan dan warisan yang menjadi kebanggaan negara untuk ditonjolkan di mata dunia.

**Peta 1: Pusat tumpuan pelancong di sekitar Georgetown**



Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan, MPPP

## 1.8 SIGNIFIKASI KAJIAN

Kajian ini sesungguhnya dapat membantu pihak-pihak tertentu terutamanya Kementerian Pelancongan Malaysia, badan-badan NGO dan swasta dalam bidang berkaitan pelancongan disamping menonjolkan kaum yang dikaji iaitu masyarakat India Muslim. Hasil dapatan kajian dan analisis yang diperolehi, boleh digunakan oleh banyak pihak contohnya meluaskan dakwah Islam, kebudayaan dan pelancongan melalui kelebihan dan keunikan masyarakat India Muslim. Justeru, kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini dapat mengetahui produk-produk budaya warisan masyarakat India Muslim disamping mengkaji daya tarikan pelancong di Pulau Pinang.

## 1.9 BATASAN KAJIAN

Kajian kebiasaannya sering disusuli dengan cabaran dan kekangan. Sepanjang kajian ini dijalankan penyelidik cuba untuk mengurangkan masalah-masalah tersebut bagi menjayakan kajian ini. Masalah pertama ialah bahan rujukan atau dokumen yang bersifat ilmiah amatlah kurang khususnya mengenai India Muslim di Malaysia. Terdapat banyak rujukan yang ada kini menerangkan mengenai India Muslim di negara India tetapi bukan di Malaysia. Kekangan lain yang berlaku adalah kebanyakan mereka yang dilihat dari segi rupa seperti masyarakat India Muslim tetapi sebenarnya tidak. Kebanyakan daripada masyarakat tersebut adalah daripada golongan Jawi Peranakan iaitu golongan yang telah bercampur seperti India Muslim telah bercampur dengan Melayu, Arab dan sebagainya. Keaslian masyarakat India Muslim dan amalan yang dibawa turun temurun sangat sukar diperolehi.

Selain daripada itu, masyarakat India Muslim yang masih kuat dengan pegangan mereka, ada yang tidak tahu berbahasa Melayu atau berbahasa Inggeris. Mereka hanya berbahasa Tamil terutama golongan berusia. Keadaan ini menyumbang kepada masalah komunikasi dalam mengumpulkan sampel. Namun begitu, usaha-usaha tertentu seperti mendapatkan khidmat 'orang tengah' diperlukan untuk menterjemahkan bahasa antara penyelidik dan informan. Masalah lain yang berlaku adalah sedikit cabaran untuk mendapatkan maklumat.

## 1.10 ORGANISASI TESIS

Bab 1 mengandungi pengenalan secara umum tentang masyarakat India Muslim di Malaysia yang dikaitkan dengan 'konflik identiti etnik' dalam komuniti. Seterusnya bab ini turut melihat kepada skop penglibatan masyarakat India Muslim dalam pelancongan sebagai landasan kepada masyarakat menjalankan aktiviti promosi dan membangunkan semula produk budaya warisan mereka. Kenyataan permasalahan, persoalan-persoalan yang ingin dikaji turut ditekankan bagi mencapai objektif yang ingin dicapai pada akhir penyelidikan. Selain daripada itu, skop kajian, signifikansi dan batasan kajian turut disertakan dalam bab pengenalan ini.

Bab 2 menerangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana bersesuaian dengan isu kajian ini. Antara sorotan kajian yang dikaitkan dalam kajian ini adalah berkenaan dengan definisi kebudayaan, warisan, pelancongan kebudayaan, pelancongan warisan, pelancongan budaya warisan, kemampanan pelancongan dan penjanaan ekonomi komuniti. Konsep-konsep penting turut dikupas seperti konsep identiti etnik dan asimilasi, konsep tatapan pelancong dan konsep komodifikasi. Akhir sekali bentuk kerangka kerja konseptual dan huraian kerangka konseptual menjadi penutup kepada bab ini.

Bab 3 menjelaskan metodologi yang bersesuaian untuk mengumpulkan data-data penyelidikan dan menerangkan secara dasar lokasi kajian, populasi dan persampelan kajian. Selain daripada itu, penggunaan teknik-teknik dan instrumen penyelidikan

dilaporkan dalam bahagian metodologi ini. Penggunaan pendekatan kualitatif telah menjadi pilihan dalam kajian ini dan beberapa kaedah pengumpulan data turut digunakan seperti kaedah temubual mendalam, kaedah siasatan dan tinjauan, kajian lapangan dan kaedah pemerhatian serta kajian kes sejarah. Justeru itu kerangka metodologi atau rangka penyelidikan dihasilkan. Pada akhirnya data-data yang diperolehi telah dianalisa untuk dapatan kajian pada bab-bab seterusnya.

Bab 4 memberi gambaran dan penerangan tentang latar belakang dan sejarah masyarakat India Muslim di Malaysia khususnya Pulau Pinang. Selain daripada itu, konflik identiti etnik yang ditekankan dalam kajian ini telah dibuktikan melalui kenyataan beberapa responden yang terlibat. Mereka telah mengakui bahawa cara hidup dan budaya yang dibawa oleh keluarga telah mengalami percampuran akibat daripada proses asimilasi perkahwinan dan persekitaran. Huraian perkahwinan dan pernikahan kategori golongan Thenkasi dan Pettai telah dijadikan sebagai contoh pertindihan budaya antara India dan Melayu secara tidak langsung wujud dilema kepada generasi muda.

Bab 5 memperlihatkan usaha yang dijalankan oleh masyarakat India Muslim untuk menguatkan identiti melalui pementasan dan dipertontonkan kepada pengunjung. Beberapa program khas dihuraikan sebagai bukti program penglibatan masyarakat tempatan bersama pelancong. Selain daripada itu, bab ini turut menceritakan tentang kemeriahan Sambutan Hari Kebudayaan India Muslim dalam pementasan identiti, produk-produk budaya dan tradisi masyarakat yang dijadikan komoditi dalam pelancongan serta peranan pihak-pihak tertentu yang menjayakan program ini. Program-

program lain berunsurkan budaya dan elemen warisan dihuraikan dalam sub topic. Antaranya Hari Kebudayaan, program sukan *'Amazing Race'* di Georgetown dan program Fiesta Basikal Klasik. Akhir sekali bab ini menceritakan usaha berterusan masyarakat India Muslim serta kaitannya pementasan keaslian kepada para pelancong.

Bab 6 menghuraikan satu skop kebanggaan masyarakat India Muslim di Pulau Pinang iaitu tentang Masjid Kapitan Keling. Data yang diperolehi mengenai masjid ini memperlihatkan dari pelbagai sudut untuk dijadikan aset penting dari segi agama, masyarakat, industri pelancongan dan negara. Di awal bahagian ini mengisahkan sejarah dan peranan Masjid Kapitan Keling pada zaman dahulu. Kini perkembangan dan pembangunan Masjid Kapitan Keling diperbincangkan dalam sub topik kemampuan warisan identiti masyarakat India Muslim, ruang masjid kepada kaum wanita, Ramadhan, Terawih dan "Makan Bertalam", Masjid Kapitan Keling sebagai Tapak Warisan Dunia yang menjadi perhatian para pelancong, pusat penyebaran agama dan informasi serta program-program yang dijalankan bersama.

Kajian di bab 7 pula melihat kepada persepsi dan maklumbalas pelancong terhadap budaya masyarakat India Muslim. Para pelancong memberikan respon setelah mereka melihat program-program, menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan dan berinteraksi bersama masyarakat setempat. Maklumbalas pelancong yang diperolehi rata-rata berpuas hati dan memberi komen yang begitu positif dalam menerima usaha-usaha masyarakat membangunkan budaya warisan mereka. Bab ini turut memperlihatkan Masjid Kapitan Keling sebagai 'mesra' pengunjung dan pelancong, pemahaman

pelancong mengenai masyarakat India Muslim dan Islam, Pulau Pinang dikatakan sebagai 'syurga makanan' dan makanan 'mamak' menjadi sebutan serta identiti etnik India Muslim dipentaskan kepada pelancong.

Bab 8 merumuskan secara ringkas gambaran keseluruhan kajian dan dapatan hasil analisa data dalam penyelidikan ini. Sehubungan dengan hasil yang diperolehi, penyelidik turut mencadangkan beberapa perkara yang mungkin membantu menambahbaik dan membangunkan masyarakat di lokasi kajian. Akhir sekali, bab ini turut memberi cadangan skop kajian yang boleh ditumpukan sebagai kesinambungan dan lanjutan daripada kajian Pelancongan Budaya Warisan dan Identiti Etnik: Kajian Kes Masyarakat India Muslim di Pulau Pinang ini.

## **BAB 2 SOROTAN KARYA**

### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan menganalisis dan mengupas kajian-kajian lepas berkaitan dengan pelancongan budaya dan pelancongan warisan. Hasil daripada penggabungan kedua-dua elemen pelancongan ini menghasilkan impak besar dalam mempamerkan produk etnik dan sesebuah masyarakat dalam satu kajian pelancongan budaya warisan. Selain daripada itu, kajian ini turut mengupas konsep-konsep yang penting bersesuaian dengan hubungan antara pelancong dan masyarakat tempatan yang difokuskan iaitu masyarakat India Muslim. Keunikan masyarakat India Muslim hasil daripada proses asimilasi dan identiti etnik, membuatkan masyarakat India Muslim mempunyai produk budaya warisan untuk ditonjolkan melalui landasan pelancongan. Justeru konsep tatapan pelancong, dan komodifikasi turut dikaitkan dalam perbincangan ini.

### **2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

#### **2.2.1 KEBUDAYAAN**

Perkataan budaya difahami sebagai tradisi dan adat yang disampaikan melalui pengetahuan, pembelajaran, kepercayaan dan tingkah laku yang terdedah kepada manusia (Kottak, 2008). Kanak-kanak mempelajari tradisi dengan membesar dalam

sebuah masyarakat tertentu melalui proses yang dipanggil pembudayaan termasuk adat dan pendapat yang dibangunkan secara bergenerasi (Kottak, 2008).

Meskipun kebudayaan boleh berubah sedikit demi sedikit melalui kemodenan, kebudayaan yang bersifat tradisional masih kukuh bagi sesetengah golongan. Budaya yang diwarisi bukan mudah untuk berubah bentuk. Selain daripada Kottak (2008) yang melihat pembudayaan merupakan satu proses dimana kanak-kanak mempelajari budaya mereka sendiri, Abdullah (1985) berpendapat bahawa bukan semua tingkah laku yang dipelajari itu merupakan kebudayaan. Seekor monyet boleh belajar beberapa hal sebagaimana yang diajarkan oleh tuannya untuk sarkis tetapi tingkah lakunya adalah berbentuk refleksif iaitu hasil daripada latihan yang dilakukan berulang-ulang dan bukan hasil daripada proses pembudayaan. Menurut Abdullah (1985) juga, terdapat pandangan superorganis dalam kebudayaan dimana kebudayaan merupakan suatu realiti. Oleh itu mesti dijelaskan dengan aturannya yang tersendiri. Memang benar faktor-faktor tertentu misalnya faktor-faktor teknologi dan ekonomi menjadi punca perkembangan bagi satu-satu kebudayaan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kebudayaan boleh diperluas atau dikecilkan oleh faktor-faktor itu sendiri.

Kebudayaan mengikut Emile Durkheim rujukan penulisan Abdullah (1985), mengandungi fakta-fakta sosial dan gambaran kolektif yang merupakan cara-cara untuk menyatakan perasaan, bebas daripada kuasa-kuasa luar dan juga daripada individu. Cara-cara berkelakuan seumpama ini merupakan suatu perkara yang dituntut oleh masyarakat daripada individu-individunya. Anggota masyarakat itu akan dihukum sama

ada secara undang-undang atau dihukum dengan tekanan moral kerana tidak menurut aturan-aturan yang biasa terdapat dalam masyarakat. Sebaliknya kebudayaan berfungsi kepada individu yang menyebabkan seseorang berkelakuan dengan cara-cara yang tersendiri. Pandangan superorganik tingkah laku manusia ditentukan oleh budaya seseorang. Oleh itu, kebudayaan menguasai kehidupan manusia seperti skrip sandiwara mengawal pertuturan, dialog serta perbuatan seseorang pelakon. Individu merupakan sebagai organisasi gerakan kebudayaan serta elemen-elemen yang mempunyai kesedaran ke atas diri mereka. Kebudayaan mampu mempengaruhi evolusi dan masa depan manusia.

Siregar (2008) berpendapat bahawa unsur-unsur dari suatu kebudayaan tidak dapat dimasukkan ke dalam kebudayaan lain tanpa mengakibatkan sejumlah perubahan pada sesuatu kebudayaan itu sendiri. Sifat kebudayaan adalah tidak statik, ia selalu berubah. Tanpa adanya “gangguan” dari kebudayaan lain atau asing pun kebudayaan akan berubah dengan mengikut waktu. Gangguan tersebut jika tidak dari luar, akan ada individu-individu dalam kebudayaan itu sendiri yang akan memperkenalkan variasi-variasi baru dalam tingkah laku yang akhirnya akan menjadi milik bersama dan menjadi sebahagian dari kebudayaan mereka. Terdapat juga beberapa aspek dalam lingkungan kebudayaan mengalami perubahan dan akhirnya akan membuat kebudayaan tersebut secara beransur-ansur menyesuaikan diri dengan perubahan yang terjadi (Siregar, 2008). Keadaan ini dapat dilihat melalui masyarakat India Muslim yang telah lama bermastautin di Malaysia sebelum merdeka lagi. Proses asimilasi antara Melayu dan India Muslim melalui perkahwinan telah membentuk satu budaya yang lain. Menurut

Burn (1999) pula, budaya adalah mengenai satu pembelajaran melalui interaksi manusia yang boleh diakumulasikan dan diasimilasikan melalui pelbagai tradisi lisan dan bertulis. Ini termasuklah pola-pola perilaku, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah diperoleh dan diperturunkan dari generasi ke generasi.

Kebudayaan merupakan seluruh cara hidup sesuatu masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain melalui proses pembelajaran. Tetapi dalam pertuturan seharian, kebanyakan daripada kita membuat pengertian kebudayaan atau mengaitkan dengan fenomena-fenomena seperti bentuk tarian dan muzik, makanan, fesyen pakaian sahaja. Jadi pengertian di sini adalah terlalu sempit dan terhad. Tetapi bagi ahli sains sosial, pengertian kepada konsep kebudayaan ini lebih luas. Mengikut perspektif sosiologi, kebudayaan membawa pengertian segala hasil dan idea yang dipelajari dan dikongsi oleh ahli-ahli dalam sebuah masyarakat. Ini termasuklah segala kepercayaan, nilai-nilai politik, adat resam, undang-undang, moral, institusi sosial, seni lukis, bahasa dan bahan-bahan material (Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan, 2008). Budaya dapat diklasifikasikan kepada dua iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Budaya kebendaan berupaya disentuh, dilihat dan berbentuk material seperti monumen, seni bina bangunan, tempat beribadat, peralatan, pakaian manakala budaya berbentuk bukan kebudayaan adalah kelompok masyarakat seperti cara hidup, peristiwa, nilai dan norma (Sumarti, 2012).

Pelancongan mengenai budaya menekankan gaya hidup masa lalu digambarkan melalui prestasi dan festival. Lawatan monumen, muzium, dan runtuh sejarah menggambarkan pentingnya sejarah dalam industri pelancongan (Litirell et al., 2003). Etnik, seni, dan pelancong merupakan elemen penting yang terlibat dalam pelancongan. Pelancong melawat komuniti tempatan, menyertai dalam festival, melawati galeri seni, muzium dan menghadiri konsert atau teater. Pelancong mendekati diri dalam masyarakat, berinteraksi dan bertemu orang-orang yang menunjukkan persepsi pelancongan sebagai kesempatan untuk pendidikan dan pembangunan peribadi dan sebagai masa untuk mencari keaslian dalam masyarakat dan penduduknya (Litirell et al., 2003). Pelancongan sebagai landasan mengekspresikan tema asas budaya dengan memberi penekanan tentang makna budaya yang lebih dalam industri pelancongan (Cohen, 1984).

Melalui perubahan kemodenan masa kini, budaya masih lagi menjadi peranan utama dalam masyarakat. Budaya bukan sahaja melibatkan nilai sama ada ianya tinggi atau rendah tetapi budaya juga mempunyai bentuk-bentuk yang berbeza seperti budaya dalam pelancongan, seni, pendidikan, fotografi, muzik, sukan dan seni bina. Budaya juga boleh terdiri daripada budaya simbolik. Budaya yang berasal daripada nenek moyang boleh wujud dalam bentuk budaya simbolik bagi menggambarkan makna sesuatu perkara dan peristiwa untuk difahami. Simbol wujud secara lisan dan bukan lisan dari segi bahasa atau budaya tertentu. Simbol turut mempunyai makna dari segi bahasa dan bukan dalam bentuk lisan seperti bendera, gambar dan sebagainya bertujuan menjadi alat atau produk dalam kehidupan dan persekitaran yang dimaksudkan (Kottak 2008).

## 2.2.2 WARISAN SEBAGAI KHAZANAH NEGARA

‘Warisan’ sering dikaitkan dengan tradisi budaya masyarakat kerana warisan pastinya melalui pemindahan sesuatu dari satu generasi ke generasi yang lain. Warisan juga merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat; atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan (Christou, 2005; Norhayati, 2012). Sementelah itu, warisan turut berperanan sebagai pembawa nilai sejarah. Pentingnya warisan dalam pelancongan adalah kerana warisan seringkali dihubungkan dengan konservasi dalam proses pengekalan tradisi dan budaya justeru memperkenalkannya kepada para pelancong. Penilaian yang sama diberikan oleh pihak *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) mengenai warisan dimana warisan merupakan sesuatu yang membuatkan seseorang itu hidup pada hari ini dan apa yang disampaikan kepada generasi akan datang. Endresen (1999) pula begitu prihatin tentang pelancongan warisan dan konservasi kerana pelancongan warisan membantu menjana pendapatan komuniti setempat. Nuryanti (1996) di dalam kajian kes beliau di Yogyakarta, Indonesia menyatakan bahawa warisan mampu memberi kuasa terhadap nilai budaya yang terkandung dalam tradisi dahulu. Kajian kes ini telah memfokuskan pembangunan semula tapak sejarah yang berkait dengan budaya warisan, pembangunan ekonomi dan warisan yang memberi nilai tinggi kepada budaya terdahulu.